

Tolak konsep mirip Malayan Union – Ghani

Oleh ROHANI IBRAHIM

JOHOR BAHRU 2 Dis. – Konsep yang mirip Malayan Union dan Malaysian Malaysia dengan menggunakan apa nama sekalipun, tidak boleh diterima kerana ia bertentangan dengan idea kenegaraan yang diwarisi dalam perjuangan UMNO dan orang Melayu.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, atas nama globalisasi, terdapat kecenderungan sesetengah pihak untuk menuntut supaya semua orang menerima apa sahaja prinsip-prinsip sejagat sehingga menafikan idea kenegaraan warisan.

“Kalau kita memahami mengapa gagasan Malayan Union di zaman Datuk Onn ditolak orang Melayu, seharusnya kita juga mestilah memahami bahawa unsur-unsur yang mirip dan menuju ke arah konsep tersebut juga tidak boleh diterima.

“Jika kita tidak mempertegaskan perju-

Um - 3/12/2006
Kita sudah pun membuktikan bahawa idea kenegaraan itu tetap relevan dan menjadi perdu pencapaian negara kita selama ini

– Abdul Ghani Othman

angan ini, menekankan inti kenegaraan yang sudah terang lagi jelas, barangkali ia akan mengubah konsep kebangsaan, bukan sahaja dalam bidang ekonomi malah bidang politik, agama, budaya dan bahasa.

“Oleh itu, kita tidak boleh leka atau terikut-ikut tanpa mengkaji dan menghalusi sebarang idea baru ini. Kita perlu berani mengupas perbezaan idea ini kerana kita sekarang berada dalam pertembungan idea,” katanya.

Abdul Ghani berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Kebangsaan Mengenai Datuk Onn di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor di sini hari ini.

Tambah beliau, apa jua idea baru atau idea lama dengan pendekatan baru hendaklah disandarkan kepada idea kenegaraan yang diwarisi selama ini.

“Kita sudah pun membuktikan bahawa idea kenegaraan itu tetap relevan dan menjadi perdu pencapaian negara kita selama ini.

“Bukankah idea kenegaraan kita ini sudah pun berkesan dan kita nikmati bersama sepanjang 50 tahun yang lalu?” katanya.

Jelas Abdul Ghani, orang Melayu dan bukan Melayu perlu mengakui bahawa idea kenegaraan Datuk Onn bukan sahaja memulakan langkah pertama malah terus kita warisi dan amalkan sebagai sebuah negara bangsa.

“Idea kenegaraan itu telah memulakan penyatuan orang Melayu dari seluruh Semenanjung tanpa mengira perbezaan latar belakang dan sempadan daerah hingga hari ini.

“Ia memastikan kelangsungan kerajaan Melayu dengan kekal raja-raja Melayu dan ada rakyatnya yang mengamalkan adat istiadat dan cara-cara hidup Melayu,” katanya.

Idea itu juga, tambah Abdul Ghani, merelakan dan memberi keistimewaan kepada kaum lain untuk sama-sama menjadi rakyat, hidup bersama berkongsi kuasa dan kemakmuran dalam sebuah negara merdeka, bebas lagi berdaulat.

“Itulah warisan peninggalan Datuk Onn yang kita nikmati hingga hari ini yang menjadi penentu keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan dalam negara ini.

“Ia menjadi teras dalam setiap dasar dan pelan tindakan pembangunan dalam setiap kepimpinan negara yang silih berganti hingga ke hari ini,” katanya.